



# Praktis Ekstra **Bab 4** Cuaca dan Iklim di Malaysia

**1.** Lengkapkan ayat di bawah.

Malaysia mengalami iklim \_\_\_\_\_ yang panas dan \_\_\_\_\_ sepanjang tahun.

**2.** Tandakan (✓) pada jawapan yang **betul**.

(a) Min suhu tahunan Malaysia

27°C

19°C

(b) Julat suhu tahunan Malaysia

5°C hingga 10°C

1°C hingga 3°C

(c) Jumlah hujan tahunan di Malaysia

2 600 mm

1 500 mm

(d) Kawasan yang menerima hujan paling sedikit di Malaysia

Kuala Pilah

Bukit Larut

**3.** Isi tempat kosong dengan jawapan yang **betul**.

(a) Angin Monsun Timur Laut

(i) bertiup dari awal bulan \_\_\_\_\_ hingga Mac

(ii) bermula dari pedalaman Benua \_\_\_\_\_

(b) Angin Monsun Barat Daya

(i) bertiup dari pertengahan bulan Mei hingga akhir bulan \_\_\_\_\_

(ii) bertiup dari Benua \_\_\_\_\_

(c) Angin Sumatera

(i) bertiup dari bulan April hingga \_\_\_\_\_ dan September hingga \_\_\_\_\_

(ii) berasal dari \_\_\_\_\_

(iii) membawa hujan lebat yang disertai \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_

**4.** Tandakan (✓) pada ciri iklim yang mempengaruhi penanaman tanaman hawa sederhana.

(a) Suhu antara 18°C hingga 21°C

(b) Hujan tahunan melebihi 2 000 mm

(c) Terdapat satu musim kering yang nyata

**5.** Gariskan jawapan yang **betul**.

(a) Pada musim ( tengkujuh , kemarau ), nelayan di pantai timur Semenanjung Malaysia tidak dapat turun ke laut kerana keadaan laut yang ( tenang , bergelora ).

(b) Mereka melakukan aktiviti ( membaiki pukut dan jala , memancing ikan ) pada musim itu.

(c) Kerja menjemur ikan di kawasan pinggir laut dijalankan semasa keadaan cuaca ( panas , lembap ).

(d) Nelayan di pantai ( barat , timur ) Semenanjung Malaysia dapat menangkap ikan sepanjang tahun kerana kawasan perairan ( Selat Melaka , Laut China Selatan ) terlindung daripada tiupan angin monsun.

6. Nyatakan fenomena cuaca dan iklim yang disebabkan oleh kegiatan manusia yang diberi.

Pulau haba

Jerebu

Hujan asid

Kesan rumah hijau

Kegiatan manusia	Fenomena cuaca dan iklim
(a) Pembakaran hutan dan pembakaran terbuka	
(b) Pembinaan bangunan konkrit dan jalan raya berturap	
(c) Pelupusan sampah dan pembakaran sisa pertanian	
(d) Pembakaran bahan api fosil oleh kilang	

7. Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

(a) Antara yang berikut, yang manakah kesan jerebu?

- Menghakis dinding bangunan
- Mengurangkan jarak penglihatan
- Mengganggu pertumbuhan tanaman
- Kesukaran bernafas, radang paru-paru

  
  
  


(b) Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan kejadian hujan asid?

- Pelepasan asap oleh kilang dan kenderaan
- Pembakaran bahan api fosil
- Pelupusan sampah dan reputan bahan organik
- Penghutanan semula kawasan pembalakan

  
  
  


8. Padankan fenomena cuaca dan iklim dengan kesannya.

Jerebu

- Melunturkan cat bangunan
- Menjejaskan kualiti air

Hujan asid

- Menjejaskan aktiviti pengangkutan
- Menyebabkan radang paru-paru

Pulau haba

- Peningkatan suhu bumi
- Perubahan iklim

Kesan rumah hijau

- Kadar evaporasi rendah di bandar
- Menjejaskan aktiviti harian penduduk